

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai kaedah pengumpulan data, kaedah mendapatkan data dan cara menganalisis data-data. Bahagian ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Metodologi Kajian
2. Deskripsi Data
3. *Sumber Data*
4. Instrumen Kajian
5. Kajian Rintis
6. Pengumpulan Data
7. Analisis Data
8. Prosedur Kajian

### 3.1 Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini sumber data dan maklumat diperolehi hasil daripada temubual yang dijalankan dengan guru-guru Ekonomi Asas di sekolah-sekolah menengah di daerah Kemaman, Terengganu. Sumber lain dalam menperolehi maklumat dan data ialah daripada sumber sekunder seperti jurnal, buku-buku, hasil penyelidikan, tesis dan sebagainya.

### 3.2 Deskripsi Data

Kajian ini dijalankan di 7 buah sekolah di daerah Kemaman. Responden yang terlibat ialah 7 guru yang mengajar mata pelajaran Ekonomi Asas di sekolah-sekolah menengah di Daerah Kemaman, Terengganu. Guru-guru ini dipilih dari sekolah yang ada menawarkan mata pelajaran Ekonomi Asas sebagai mata pelajaran elektif di sekolah masing-masing. Guru-guru yang terpilih ini adalah dari SMK Sultan Ismail 1&II, SMK Chukai, SMK Geliga, SMK Ayer Puteh, SMK Kijal dan SMK Badrul Alam Shah. Kesemua sekolah ini adalah di Daerah Kemaman. Mata pelajaran ini menjadi mata pelajaran elektif di sekolah-sekolah yang dikaji. Kebanyakkhan guru yang dikaji adalah juga merupakan Ketua Panitia bagi mata pelajaran ini.

### 3.3 Sumber-Sumber data

Data dan maklumat dalam kajian ini diperolehi hasil daripada temubual tidak berstruktur yang dijalankan dalam bulan Sepetember. Guru-guru yang terlibat dalam kajian ini merupakan guru-guru mata pelajaran Ekonomi Asas di sekolah-sekolah menengah di daerah Kemaman. Untuk mendapatkan maklumat yang lain, pengkaji juga mendapatkan dokumen-dokumen seperti jurnal, Huraian Sukatan Pelajaran, tesis-tesis, kajian-kajian penyelidikan, Laporan-laporan dan sebagainya. Pengkaji mengunjungi Perpustakaan Awam Negara, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perpustakaan Universiti Malaya dan sebagainya untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai bidang yang dikaji.

### 3.4 Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur. Guru-guru yang terpilih dihubungi melalui telefon. Pengkaji menyatakan hasrat untuk menjalankan temubual dan seterusnya menetapkan hari dan masa temubual boleh dijalankan. Kesemua guru yang dihubungi menyatakan kesediaan mereka untuk ditemubual. Satu tarikh yang dipersetujui dibuat pada hari selepas persekolahan agar tidak menganggu proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru tersebut.

Teknik temubual tidak berstruktur ini dipilih kerana ia merupakan aktiviti soal jawab yang lebih menjurus kepada persoalan kajian yang hendak dijalankan. Teknik ini akan dapat membantu pengkaji dalam meneroka idea dan penilaian guru terhadap aspek yang hendak dikaji. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian ini bersifat terbuka dengan jangkaan pelbagai jawapan akan diperolehi.

Teknik ini juga dirasakan sesuai untuk tujuan kajian ini kerana ia akan dapat membantu pengkaji meneroka sesuatu persoalan dengan lebih mendalam dan memberi kesempatan kepada responden mengambil masa untuk berfikir, berbual-bual dan membuat interpretasi mengenai idea-idea mereka. Adakalanya para responden meminta penjelasan yang lebih lanjut daripada pengkaji terutamanya soalan-soalan yang tidak difahami. Oleh kerana situasi yang dipilih juga tidak formal pengkaji berasaskan bahawa responden tidak terdesak untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan dan mereka juga berpeluang untuk menyatakan apa sahaja pendapat mereka tanpa berasa khuatir atau ragu-ragu.

### 3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan selepas soalan-soalan untuk temubual digubal. Kajian rintis ini dijalankan di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Badrul Alam Shah, Kemasek dan Sekolah Menengah Kijal di Kemaman, Terengganu. Tujuan dilakukan kajian rintis ini adalah untuk menguji item-item soalan yang telah digubal.

Data dan maklumat yang diperolehi dianalisis untuk mengesan kerelevanannya soalan yang dibina. Item yang sukar difahami, yang menimbulkan masalah diperkemaskan dan digubal semula sesuai dengan matlamat kajian. Item sebenar akhirnya dibina dan digunakan dalam kajian ini.

Soalan-soalan yang dibina adalah hasilan daripada pembacaan hasil-hasil penyelidikan pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Setelah itu pengkaji membuat analisis dan tumpuan mengenai aspek yang akan ditanya semasa temubual dijalankan.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur. Soalan untuk menjalankan temubual ini telah dibina khusus untuk tujuan kajian ini. Soalan temubual distrukturkan mengikut kehendak dan matlamat kajian ini. Secara amnya, soalan temubual dibentuk berdasarkan tujuan kajian. Soalan-soalan untuk tujuan temubual ini telah dibentuk setelah pengkaji meneliti kajian-kajian lampau berkaitan penilaian kurikulum. Soalan-soalan temubual yang dibina meliputi aspek-aspek yang berikut iaitu :

- a) Penilaian guru mengenai keselarasannya antara Matlamat Pendidikan Negara dengan Matlamat Pendidikan Ekonomi Asas.
- b) Penilaian para guru terhadap kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas iaitu daripada aspek pengetahuan dan keyakinan serta liputan tajuk-tajuk dalam kandungan kurikulum.

- c) Penilaian guru tentang organisasi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM iaitu daripada aspek penyusunan pengetahuan, penyusunan kemahiran, konsep-konsep , pengagihan tajuk dalam sukan dan sebagainya.
- d) Penilaian guru terhadap kandungan kurikulum dengan tahap kesediaan para pelajar iaitu untuk mengetahui aspek-aspek yang menjadi masalah kepada pelajar, kesesuaian tajuk atau kandungan dengan pengalaman pelajar.
- e) Penilaian guru mengenai bahan-buku teks dan Sukatan Pelajaran dalam menterjemahkan kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini dan membantu guru dalam proses pemgajaran dan pembelajaran.

### 3.6 Pengumpulan Data

Data-data atau maklumat yang telah dipungut dalam temubual dicatatkan dalam buku catatan. Ini adalah untuk memastikan segala maklumat yang diperolehi dapat dianalisis dengan betul dan berkesan. Ini juga bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pengurangan daripada maklumat yang diberikan oleh responden. Segala pendapat, pandangan dicatatkan dengan sepenuhnya. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak jelas, pengkaji juga menghubungi responden melalui telefon. Semua responden memberikan kerjasama yang baik dan memberikan maklumat yang dikehendaki.

### 3.7 Analisis Data

Data-data dan maklumat yang diperolehi daripada temubual yang dijalankan akan dianalisis. Data dalam kajian ini adalah data kualitatif. Maklumat yang diperolehi dipolakan mengikut keutamaan dan kehendak soalan-soalan kajian yang telah dibentuk. Data-data dan maklumat disemak dengan teliti bagi mendapatkan jawapan yang sama atau yang berulang-ulang bagi soalan yang sama. Ini adalah lebih mudah dilakukan dalam menganalisis data atau maklumat yang menggambarkan pandangan guru-guru atau responden dalam kajian ini.

Data-data akan dirangkan mengikut keutamaan jawapan yang telah diberikan oleh responden. Pengkaji akan mencari jawapan-jawapan yang sama atau berlaku berulang kali daripada hasil temubual tersebut. Analisis data dipermudahkan lagi dengan berpandukan kepada soalan-soalan kajian yang telah dibentuk.

### 3.8 Prosedur Kajian

Setelah cadangan kertas projek diluluskan oleh Jawatankuasa Ijazah Tinggi Fakulti Pendidikan, Penyelidik membuat permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan ( EPRD ) di Kementerian Pendidikan bagi mendapatkan kebenaran menjalankan kajian ini. Seterusnya, penyelidik memohon kebenaran daripada

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu untuk memohon kebenaran menggunakan guru-guru sekolah di Daerah Kemaman untuk tujuan kajian ini.

Penulis juga meminta kebenaran dari Pejabat Pendidikan Daerah Kemaman untuk mendapat kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah di Daerah Kemaman. Seterusnya, pengkaji meminta kebenaran daripada pihak Sekolah untuk mendapat kebenaran menemubual dengan guru yang telah dipilih iaitu guru mata pelajaran Ekonomi Asas.

Setelah itu baharulah pengkaji menghubungi guru-guru yang mengajar Ekonomi Asas di sekolah-sekolah tersebut untuk menerangkan tujuan kajian ini dan menetapkan tarikh dan hari untuk ditemubual. Responden yang terlibat dalam kajian ini juga telah diberitahu mengenai matlamat kajian, skop dan tema kajian agar dapat memberi mereka maklumat awal mengenai temubual ini.